

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan:-

- a) Langkah Kementerian untuk meningkatkan pendapatan pesawah supaya mereka boleh keluar daripada golongan pendapatan rendah (B40); dan
- b) Mekanisme membawa teknologi baru untuk memodenkan sektor pertanian ini.

**JAWAPAN**

(a)

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak mempunyai perangkaan khusus berhubung pendapatan bagi kesemua 322,830 pesawah di seluruh negara. Ini berdasarkan kepada beberapa faktor seperti penanaman padi bukit bagi tujuan sara diri sahaja terutamanya di Sabah dan Sarawak, perbezaan keluasan bertanam padi yang diusahakan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, pendapatan purata pesawah di negara ini adalah dianggarkan sebanyak RM600 sebulan bagi setiap hektar sawah yang diusahakan.

2. Sehubungan itu, antara langkah-langkah untuk meningkatkan pendapatan para pesawah adalah seperti berikut:

- i) pelaksanaan program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) dengan peruntukan sebanyak RM75 juta bagi memastikan kos pengeluaran minimum kepada pesawah dan pada masa yang sama program ini membekalkan benih padi yang berkualiti tinggi dan rintang penyakit bagi meningkatkan produktiviti;
- ii) meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi melalui peruntukan sebanyak RM150 juta dalam tempoh RMKe-11 dalam aktiviti penanaman dan penuaian padi bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti;
- iii) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saluran bagi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dengan peruntukan sebanyak RM1.395 billion dalam tempoh RMKe-11 bagi membolehkan intensiti penanaman ditingkatkan yang memberikan pulangan hasil yang lebih tinggi kepada pesawah;
- iv) melaksanakan program pemulihan tanah (*soil profiling*) bagi memastikan penggunaan input pertanian secara lebih tepat dan mengurangkan kos bagi mengoptimumkan kos pengeluaran;

## SOALAN NO : 529

- v) membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) khusus pengurusan lepas tuai bagi membantu pengurangan kehilangan lepas tuai;
- vi) melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan varieti baru yang berhasil tinggi dan rintang penyakit seperti MARDI Siraj 297, MR303, MR 307, UKM RC-2 dan UKM RC-8;
- vii) menggalakkan pesawah untuk melaksanakan penanaman bercampur (*mixed cropping*) dengan tanaman-tanaman lain yang bersesuaian bagi mempelbagaikan pendapatan pesawah;
- viii) memperkasakan aktiviti pengembangan melalui penubuhan *Farmer Field School* (FFS) di bawah Jabatan Pertanian bagi meningkatkan kemahiran pesawah dalam aspek penanaman padi.

### (b)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah pemodenan industri padi dan beras dengan memperkenalkan teknologi-teknologi yang bersesuaian mengikut peredaran masa telah dilaksanakan seperti berikut:

- i) Perolehan teknologi di bawah Program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan melalui peruntukan sebanyak RM150 juta sepanjang RMKe11 bagi penggunaan aplikasi berasaskan:
  - a) Jentera, mekanisasi dan implemen berkaitan;
  - b) Sistem/teknologi dalam sektor pertanian seperti kilang tanaman, *Individual Quick Freezing* (IQF), *tube well* dan lain-lain;
  - c) *Internet of Things* (IoT) bagi tujuan pertanian pintar termasuk pembangunan agro-robotik; dan

**SOALAN NO : 529**

d) Penggunaan dron untuk aktiviti pembajaan dan pembenihan.

ii) Mewujudkan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan lain seperti di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi memperkenalkan teknologi terkini dalam industri di lapangan. Selain itu, bekerjasama dengan syarikat-syarikat teknologi swasta bagi menghasilkan teknologi yang bersesuaian untuk diaplikasikan di kawasan petani; dan

iii) Menggalakkan inovasi pertanian di kalangan petani melalui khidmat pengembangan dan latihan pertanian bagi meningkatkan produktiviti. Para petani juga digalakkan untuk menghasilkan inovasi pertanian yang bersesuaian dengan tanaman yang diusahakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**SOALAN NO. 531**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah terkini individu yang telah menjalani saringan kesihatan di bawah skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40. Apakah langkah Kementerian bagi memudahkan lagi saringan kesihatan supaya lebih ramai orang boleh menikmati manfaat skim ini?

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 atau PeKa B40 telah dilaksanakan di seluruh negara sebagai projek perintis sejak 15 April 2019. Pada masa itu, penerima bagi skim ini adalah kumpulan B40 yang menjadi penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangannya yang berdaftar, berumur 50 tahun dan ke atas. Bermula 1 Januari 2020, PeKa B40 telah diperluaskan kepada kumpulan B40 yang berumur 40 tahun dan ke atas.
2. PeKa B40 memberi fokus kepada saringan kesihatan untuk mencegah penyakit tidak berjangkit sebagai Manfaat 1. Selain saringan kesihatan, tiga lagi manfaat lain ditawarkan iaitu Bantuan Alat Perubatan (Manfaat 2), Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser (Manfaat 3) dan Insentif Tambang Pengangkutan (Manfaat 4).
3. Sehingga 31 Mei 2020, seramai 351,814 penerima telah menjalani saringan kesihatan di bawah skim ini. Selain itu, sebanyak 10,948

## SOALAN NO. 531

permohonan telah diluluskan bagi Manfaat 2 dan 2,270 permohonan untuk Manfaat 3 serta 7,144 permohonan untuk Manfaat 4.

4. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan lebih ramai kumpulan B40 yang layak dapat menikmati ke semua manfaat yang ditawarkan. Antara langkah utama yang dilaksanakan oleh KKM untuk memudahkan lagi para penerima melakukan saringan kesihatan PeKa B40 adalah dengan melaksanakan program turun padang atau *outreach program* (dengan izin). Melalui program ini, saringan kesihatan dilakukan di kawasan komuniti dan ini memudahkan penerima terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar atau pedalaman melakukan saringan berdekatan dengan tempat tinggal mereka.

5. Sehingga 31 Mei 2020, seramai 8,858 penerima di seluruh negara telah disaring melalui 49 program *outreach* (dengan izin) yang dianjurkan oleh KKM dengan kerjasama klinik perubatan swasta umum dan klinik kesihatan serta pihak jawatankuasa di peringkat komuniti. Ini meliputi program *outreach* (dengan izin) di 15 buah FELDA, 2 kawasan perumahan nelayan, 12 buah kawasan perumahan rakyat (PPR), 12 masjid dan pusat komuniti, 6 program bersama NGO dan panel penasihat kesihatan serta 5 aktiviti karnival. Selain anjuran KKM, program turun padang ini turut dilaksanakan sendiri oleh klinik perubatan swasta umum yang berdaftar dengan PeKa B40.

6. Melalui program ini, KKM telah berjaya mengesan penyakit tidak berjangkit terutamanya kes baru di kalangan kumpulan B40 melalui saringan kesihatan yang dijalankan. Bagi kawasan FELDA misalnya, sehingga 31 Mei 2020, jumlah kes baru yang dapat dikesan adalah sebanyak 16% bagi kencing manis, 25% bagi darah tinggi, 47% bagi kolestrol tinggi dan 1% bagi kes kerisauan dan kemurungan. Para peneroka ini seterusnya dirujuk ke klinik kesihatan untuk mendapatkan rawatan dan tindakan lanjut. Pengesanan awal ini sangat penting bagi membolehkan KKM merawat dengan lebih awal dan ini seterusnya dapat mengelakkan penerima mendapat komplikasi penyakit yang lebih serius.

Sekian, terima kasih.